

21 Oktober sebutan lanjut kes enam warga asing masuk tanpa dokumen sah

MIRI: Mahkamah Majistret di sini, semalam menetapkan 21 Oktober ini untuk sebutan lanjut kes enam lelaki warga asing yang dituduh masuk ke negara ini tanpa mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Sementara itu, keenam-enam tertuduh diperintahkan supaya ditahan lanjut sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Majistret Randu Rangen setelah membenarkan permohonan pegawai pendakwa ASP Joyce Sagai yang memo-

hon tarikh baharu untuk sebutan lanjut kes di Mahkamah Sesyen.

Risal, Sunardi, Herman, Andarias, Darmin dan Asrul, kesemuanya berasal dari Indonesia, telah didakwa mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 6 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, semua tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh

disebat sehingga enam kali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, keenam-enam tertuduh telah didakwa masuk ke negara ini tanpa mempunyai sebarang dokumen perjalanan sah.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 11.50 pagi, 11 Oktober lalu di sebuah premis hiburan di Niah.

Pertuduhan telah dibacakan secara berasingan kepada kesemua tertuduh namun tiada pengakuan salah direkodkan.